



MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI KALI KE-62

25 FEBRUARI 2025 | 2.30 PETANG |

DEWAN SENAT, BANGUNAN CANSELORI PUTRA,
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

*AGENDA 7b. Laporan Maklum balas
Pihak Berkepentingan ISMS*



Berilmu Berbakti Pertanian • Inovasi • Kehidupan



Agenda:

LAPORAN MAKLUM BALAS PIHAK BERKEPENTINGAN ISMS

LAPORAN SOAL SELIDIK ISMS BAGI PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH SEMASA MINGGU PENDAFTARAN BAGI KEMASUKAN 2024/2025 (KAMPUS SERDANG DAN BINTULU)

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk mendapat maklum balas pemegang taruh (Pelajar Baharu) berkenaan pelaksanaan ISMS di UPM seperti berikut, iaitu:

- (i) Mendapatkan maklum balas pelajar baharu berkenaan tahap ketepatan maklumat yang dinyatakan dalam surat tawaran yang dikeluarkan kepada calon;
- (ii) Mendapatkan maklum balas pelajar baharu berkenaan tahap kesediaan kaunter semasa hari pendaftaran pelajar baharu;
- (iii) Mendapatkan maklum balas pelajar baharu berkenaan kawalan kerahsiaan data dan maklumat pelajar baharu semasa hari pendaftaran pelajar; dan

METODOLOGI PELAKSANAAN

Soal selidik kajian ini dijalankan secara atas talian untuk pelajar baharu UPMambilan pertama dan kedua.

Soal selidik secara atas talian ini merangkumi 2 bahagian seperti berikut, iaitu:

Bahagian A: Maklumat Demografi Responden


- (i) Jantina; dan
- (ii) Kolej Kediaman.

Bahagian B: Soalan Soal Selidik Kepuasan Pemegang Taruh Terhadap perkara berikut:

- (i) Saya dapati maklumat dalam surat tawaran universiti khususnya nama, no. kad pengenalan dan alamat surat-menyurat adalah tepat.
- (ii) Saya yakin maklumat peribadi saya akan digunakan untuk tujuan pendaftaran dan urusan berkaitan di Universiti Putra Malaysia sahaja.
- (iii) Saya yakin Universiti Putra Malaysia melindungi semua data peribadi saya dan tidak mendedahkan kepada pihak lain yang tidak berkaitan.
- (iv) Saya yakin kerahsiaan data peribadi yang telah saya muat naik ke dalam Sistem e-Daftar SMP terpelihara.
- (v) Saya dapati Sistem e-Daftar SMP boleh dicapai sepanjang tempoh pendaftaran.
- (vi) Saya mendapati Sistem e-Daftar SMP memudahkan proses pendaftaran masuk ke Universiti Putra Malaysia.
- (vii) Cadangan penambahbaikan/maklum balas berkaitan keselamatan maklumat semasa pendaftaran (jika ada).

DEMOGRAFI

Seramai 3,520 (94.6%) orang pelajar telah menjawab soal selidik yang disediakan berbanding 3,720 pelajar baharu yang mendaftar pada ambilan pertama dan ambilan kedua sesi 2024/2025. Data responden dipecahkan mengikut jantina dan 10 Kolej Kediaman. Demografi responden adalah seperti jadual di bawah:




Kolej Kediaman


Bil	Kolej	Jumlah
1.	Kolej Canselor	368
2	Kolej Tun Dr Ismail	358
3	Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah	352
4	Kolej Pendeta Za'ba	285
5	Kolej Sepuluh	518
6	Kolej Dua Belas	505
7	Kolej Tan Sri Aishah Ghani	161
8	Kolej Empat Belas	512
9	Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee	361
10.	Kolej Sri Rajang (Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak)	100

LAPORAN SOAL SELIDIK ISMS BAGI PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH SEMASA MINGGU PENDAFTARAN BAGI KEMASUKAN 2024/2025 (KAMPUS SERDANG DAN BINTULU)


Rajah I: Soalan i (min 4.9)




Rajah II: Soalan ii (min 4.8)



Rajah III: Soalan iii (min 4.8)




Rajah IV: Soalan iv (min 4.8)




LAPORAN SOAL SELIDIK ISMS BAGI PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH SEMASA MINGGU PENDAFTARAN BAGI KEMASUKAN 2024/2025 (KAMPUS SERDANG DAN BINTULU)

Rajah V: Soalan v (min 4.8)



Rajah VI: Soalan VI (min 4.8)



RUMUSAN HASIL KAJIAN

Secara keseluruhan, hasil soal selidik pendaftaran pelajar baharu prasiswazah semasa Minggu Perkasa Putra pada sesi kemasukan Semester 1 sesi 2024/2025 dapat dirumuskan seperti berikut:

Peratusan pelajar yang menjawab soal selidik ISMS tahun ini adalah sebanyak 94.6% berbanding tahun 2022 sebanyak 93.6%. Terdapat peningkatan sebanyak 1.0% berbanding tahun 2023.

Jumlah responden tertinggi yang memberikan skala 5 (sangat setuju) adalah pada soalan nombor 1 iaitu 'Saya dapati maklumat dalam surat tawaran universiti khususnya nama, no. kad pengenalan dan alamat surat-menyurat adalah tepat.' (91.6% / 3,224 responden). Manakala yang terendah yang memberikan skala 5 adalah pada soalan nombor 5 iaitu 'Saya dapati Sistem e-Daftar SMP boleh dicapai sepanjang tempoh pendaftaran.' (83% / 2,921 responden).

Jumlah responden yang tertinggi yang memberikan skala 1 (sangat tidak setuju) adalah kepada soalan nombor 1 iaitu 'Saya dapati maklumat dalam surat tawaran universiti khususnya nama, no. kad pengenalan dan alamat surat-menyurat adalah tepat.'; dan soalan nombor 2 iaitu 'Saya yakin maklumat peribadi saya akan digunakan untuk tujuan pendaftaran dan urusan berkaitan di Universiti Putra Malaysia.' (0.6% / 20 responden).

Analisis skala likert jawapan yang diberikan oleh semua responden adalah mencapai min yang tinggi (4.8) berdasarkan soalan 1 sehingga 6. Dari segi peratusan pula, analisis kepuasan pemegang taruh menunjukkan 98.2% menjawab pada skala 4 dan skala 5. Ia membuktikan pelajar baharu UPM sesi 2024/2025 berpuas hati dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dalam proses pendaftaran pelajar baharu di Universiti Putra Malaysia.

LAPORAN SOAL SELIDIK ISMS BAGI PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH SEMASA MINGGU PENDAFTARAN BAGI KEMASUKAN 2024/2025 (KAMPUS SERDANG DAN BINTULU)

Cadangan Penambahbaikan

Berikut merupakan cadangan penambahbaikan yang dikemukakan oleh responden;

1. **Keselamatan Maklumat Peribadi:** Responden mencadangkan supaya keselamatan laman sesawang dipertingkatkan dengan menyediakan lapisan perlindungan tambahan. Ini termasuk penggunaan kata laluan yang kuat dan unik bagi setiap pengguna, pengenalan soalan keselamatan, serta pelaksanaan sistem verifikasi berasaskan e-mel. Langkah-langkah ini mampu mencegah akses tanpa kebenaran, sekali gus melindungi maklumat peribadi daripada risiko kebocoran.
2. **Pengoptimuman Sistem Laman Sesawang:** Responden turut mencadangkan pengoptimuman laman sesawang supaya lebih mesra pengguna dan serasi dengan pelbagai pelayar internet. Penambahbaikan seperti memperbaiki *refresh rate* laman dapat memberikan pengalaman pengguna yang lebih lancar dan efisien, terutama semasa proses pendaftaran yang melibatkan bilangan pengguna yang ramai.
3. **Privasi dan Perlindungan Data:** Responden mengingatkan kepentingan memastikan data peribadi mereka terjaga dengan rapi dan tidak disalahgunakan. Sistem keselamatan perlu dilaksanakan secara ketat dan berterusan untuk melindungi hak pelajar, termasuk memastikan hanya pihak yang diberi kuasa sahaja dapat mengakses maklumat sensitif.
4. **Pengurusan Maklumat Bayaran:** Sebagai tambahan, responden mencadangkan bayaran penginapan dan yuran pengajian disenaraikan secara berasingan dalam surat tawaran bagi mengelakkan kekeliruan. Pihak universiti juga dicadangkan untuk memberikan tempoh masa yang lebih panjang bagi pelajar menyelesaikan pembayaran penginapan, terutama bagi mereka yang memerlukan masa untuk mendapatkan sumber kewangan.

LAPORAN SOAL SELIDIK ISMS BAGI PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH SEMASA MINGGU PENDAFTARAN BAGI SEMESTER PERTAMA 2024/2025 (AMBILAN PROGRAM DIPLOMA & PERSEDIAAN DIPLOMAS SAINS)

Metodologi Pelaksanaan

4.0 METODOLOGI PELAKSANAAN

Soal selidik kajian ini dijalankan secara dalam talian untuk pelajar baharu UPMambilan pertama pada 23 Julai 2024.

Soal selidik secara atas talian ini merangkumi 2 bahagian seperti berikut, iaitu:

Bahagian A: Maklumat Demografi Responden


- (i) Jantina; dan
- (ii) Kolej Kediaman.

Bahagian B: Soalan Soal Selidik Kepuasan Pemegang Taruh Terhadap perkara berikut:

- (i) Saya dapati maklumat dalam surat tawaran universiti khususnya nama, no. kad pengenalan dan alamat surat-menyurat adalah tepat.
- (ii) Saya yakin maklumat peribadi saya akan digunakan untuk tujuan pendaftaran dan urusan berkaitan di Universiti Putra Malaysia sahaja.
- (iii) Saya yakin Universiti Putra Malaysia melindungi semua data peribadi saya dan tidak mendedahkan kepada pihak lain yang tidak berkaitan.
- (iv) Saya yakin kerahsiaan data peribadi yang telah saya muat naik ke dalam Sistem e-Daftar SMP terpelihara.
- (v) Saya dapati Sistem e-Daftar SMP boleh dicapai sepanjang tempoh pendaftaran.
- (vi) Saya dapati Sistem e-Daftar SMP telah memudahkan proses pendaftaran masuk ke Universiti Putra Malaysia.
- (vii) Cadangan penambahbaikan/maklum balas berkaitan keselamatan maklumat semasa pendaftaran (jika ada).

Rajah 1: Taburan Mengikut Jantina

Count of JANTINA



LAPORAN SOAL SELIDIK ISMS BAGI PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH SEMASA MINGGU PENDAFTARAN BAGI SEMESTER PERTAMA 2024/2025 (AMBILAN PROGRAM DIPLOMA & PERSEDIAAN DIPLOMAS SAINS)

Analisis Kajian


Rajah A: Soalan 1 (min 4.96)

1. Saya dapati maklumat dalam surat tawaran universiti khususnya nama, no. kad pengenalan dan alamat surat-menyurat adalah tepat.

271 jawapan

Saya dapati maklumat dalam surat tawaran universiti khususnya nama, no. kad pengenalan dan alamat surat-menyurat adalah tepat.

271 responses




Rajah B: Soalan 2 (Min 4.91)

2. Saya yakin maklumat peribadi saya akan digunakan untuk tujuan pendaftaran dan urusan berkaitan di Universiti Putra Malaysia sahaja.

271 jawapan

Saya yakin maklumat peribadi saya akan digunakan untuk tujuan pendaftaran dan urusan berkaitan di Universiti Putra Malaysia sahaja.

271 responses



LAPORAN SOAL SELIDIK ISMS BAGI PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH SEMASA MINGGU PENDAFTARAN BAGI SEMESTER PERTAMA 2024/2025 (AMBILAN PROGRAM DIPLOMA & PERSEDIAAN DIPLOMAS SAINS)


Rajah C: Soalan 3 (Min 4.92)

3. Saya yakin Universiti Putra Malaysia melindungi semua data peribadi saya dan tidak mendedahkan kepada pihak lain yang tidak berkaitan.

271 jawapan

Saya yakin Universiti Putra Malaysia melindungi semua data peribadi saya dan tidak mendedahkan kepada pihak lain yang tidak berkaitan.

271 responses




Rajah D: Soalan 4 (Min 4.93)

4. Saya yakin kerahsiaan data peribadi yang telah saya muat naik ke dalam Sistem e-Daftar SMP terpelihara.

271 jawapan

Saya yakin kerahsiaan data peribadi yang telah saya muat naik ke dalam Sistem e-Daftar SMP terpelihara.

271 responses



LAPORAN SOAL SELIDIK ISMS BAGI PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH SEMASA MINGGU PENDAFTARAN BAGI SEMESTER PERTAMA 2024/2025 (AMBILAN PROGRAM DIPLOMA & PERSEDIAAN DIPLOMAS SAINS)


Rajah E: Soalan 5 (Min 4.91)

5. Saya dapati Sistem e-Daftar SMP boleh dicapai sepanjang tempoh pendaftaran.

271 jawapan

Saya dapati Sistem e-Daftar SMP boleh dicapai sepanjang tempoh pendaftaran.

271 responses




Rajah F: Soalan 6 (Min 4.93)

6. Saya dapati Sistem e-Daftar SMP memudahkan proses pendaftaran masuk ke Universiti Putra Malaysia.

271 jawapan

Saya dapati Sistem e-Daftar SMP memudahkan proses pendaftaran masuk ke Universiti Putra Malaysia.

271 responses



LAPORAN SOAL SELIDIK ISMS BAGI PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH SEMASA MINGGU PENDAFTARAN BAGI SEMESTER PERTAMA 2024/2025 (AMBILAN PROGRAM DIPLOMA & PERSEDIAAN DIPLOMAS SAINS)

RUMUSAN HASIL KAJIAN

Secara keseluruhan, hasil soal selidik pendaftaran pelajar baharu pascasiswazah (ambilan Diploma dan Persediaan Diploma Sains) semasa Minggu Perkasa Putra pada sesi kemasukan Semester Pertama sesi 2024/2025 dapat dirumuskan seperti berikut:

- a) Peratusan pelajar yang menjawab soal selidik ISMS tahun ini semasa sesi pendaftaran pelajar baharu (pada 23 Julai 2024) adalah sebanyak **100%** sama seperti pendaftaran pada tahun 2023. Ia mungkin disebabkan kerjasama dan inisiatif oleh Fasilitator Universiti dan petugas yang berkaitan semasa sesi pendaftaran.
- b) Jumlah responden tertinggi yang memberikan skala 5 (sangat setuju) adalah pada soalan nombor 1 iaitu **'Saya dapati maklumat dalam surat tawaran universiti khususnya nama, no. kad pengenalan dan alamat surat-menyurat adalah tepat.'** (90.4% / 245 responden). Manakala yang terendah memberikan skala 5 adalah pada soalan nombor 5 iaitu **5. Saya dapati Sistem e-Daftar SMP boleh dicapai sepanjang tempoh pendaftaran.'** (84.5% / 229 responden).
- c) Jumlah responden tertinggi yang memberikan skala 1 (sangat tidak setuju) adalah kepada soalan nombor 4 iaitu **'Saya yakin kerahsiaan data peribadi yang telah saya muat naik ke dalam Sistem e-Daftar SMP terpelihara.'** (3% / 8 responden).
- d) Analisis skala likert jawapan yang diberikan oleh semua responden adalah mencapai **min yang tinggi (4.62)** berdasarkan soalan 1 sehingga 6. Dari segi peratusan pula, analisis kepuasan pemegang taruh menunjukkan **93%** menjawab pada skala 4 dan skala 5. Ia membuktikan pelajar baharu UPM Semester Pertama 2024/2025 (Ambilan Pelajar Diploma dan Persediaan Diploma Sains) berpuashati dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dalam proses pendaftaran pelajar baharu di Universiti Putra Malaysia.

LAPORAN SOAL SELIDIK ISMS BAGI PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH SEMASA MINGGU PENDAFTARAN BAGI SEMESTER PERTAMA 2024/2025 (AMBILAN PROGRAM DIPLOMA & PERSEDIAAN DIPLOMAS SAINS)

Cadangan Penambahbaikan

Antara cadangan penambahbaikan yang diperolehi daripada responden (Pelajar Baharu):

1. Meriahkan lagi pendaftaran.
2. Kemudahan pelajar sepanjang proses pendaftaran untuk keselasaan seperti kipas
3. Menyediakan air mineral
4. Mengurus sistem dengan lebih cepat dan teratur
5. Menambah kaunter
6. Tambah pendingin hawa dekat dewan sri rajang
7. Percepatkan proses pendaftaran di bahagian pembahagian bilik
8. Percepatkan Proses penerimaan kunci
9. Buka lebih banyak kaunter penyerahan kunci biar proses penyerahan kunci lebih cepat dan lancar *semasa pendaftaran
10. Memberikan lebih penjelasan dalam beberapa medan yang perlu diisi (cth: borang pemeriksaan didapati selepas tanda kotak)
11. Menempah bilik awal seperti e-daftar sekali supaya tidak terlalu kekangan apabila pendaftaran fizikal
12. Menambahbaik sistem daftar bilik
13. Double verification

LAPORAN SOAL SELIDIK ISMS BAGI PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PASCASISWAZAH SEMASA MINGGU PENDAFTARAN BAGI SETENGAH TAHUN KEDUA 2024

Metodologi pelaksanaan

Soal selidik secara atas talian ini merangkumi dua (2) bahagian seperti berikut, iaitu:

Bahagian A: Maklumat Demografi Responden

1. Jantina; dan
2. Fakulti.

Bahagian B: Soalan Soal Selidik Kepuasan Pemegang Taruh Terhadap perkara berikut:

1. Saya dapati maklumat dalam surat tawaran universiti khususnya nama, no. kad pengenalan dan alamat surat-menyerat adalah tepat.
2. Saya yakin maklumat peribadi saya akan digunakan untuk tujuan pendaftaran dan urusan berkaitan di Universiti Putra Malaysia sahaja.
3. Saya yakin Universiti Putra Malaysia melindungi semua data peribadi saya dan tidak mendedahkan kepada pihak lain yang tidak berkaitan.
4. Saya yakin bahawa maklumat peribadi yang telah saya muat naik dalam PutraENROLL iGIMS dilindungi dengan baik.
5. Saya mendapati bahawa Sistem PutraENROLL boleh diakses sepanjang tempoh pendaftaran.
6. Saya dapati Sistem PutraENROLL telah memudahkan proses pendaftaran untuk mendaftar di Universiti Putra Malaysia.
7. Cadangan penambahbaikan/maklum balas berkaitan keselamatan maklumat semasa pendaftaran (jika ada).

LAPORAN SOAL SELIDIK ISMS BAGI PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PASCASISWAZAH SEMASA MINGGU PENDAFTARAN BAGI SETENGAH TAHUN KEDUA 2024

- 2.1 Tujuan pelaksanaan soal selidik ini adalah untuk mengetahui tahap penerimaan kerahsiaan, integriti, kebolehsediaan dan kepuasan perkhidmatan pendaftaran dalam kalangan pelajar baharu. Persepsi pelajar baharu yang juga merupakan pemegang taruh ini akan mencerminkan tahap pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dalam proses pendaftaran pelajar baharu di Universiti Putra Malaysia.
- 2.2 Pelaksanaan soal selidik ini juga adalah selari dengan objektif ISMS Tahun 2024 bagi Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Pascasiswazah, iaitu memastikan tahap keyakinan pelajar baharu terhadap keselamatan maklumat semasa proses pendaftaran. Sasaran yang ditetapkan untuk pencapaian objektif ini pada tahun 2024 ialah 80%, iaitu peratusan pelajar baharu memberi skor 4.00 dan ke atas (skala Likert 5.00) melalui soalan kaji selidik keselamatan maklumat pihak berkepentingan ISMS.
- 2.3 Laporan ini menggabungkan statistik pelajar bagi empat (4) kemasukan dalam setengah tahun kedua 2024 iaitu:


Bil.	Semester	Tempoh Pendaftaran di PutraENROLL	Bilangan responden
1.	Trimester Pertama 2024/2025	3 Jun 2024 - 12 Julai 2024	95

Bil.	Semester	Tempoh Pendaftaran di PutraENROLL	Bilangan responden
2.	Semester Pertama 2024/2025	16 September 2024 – 10 Januari 2025	1557
3.	Trimester Kedua 2024/2025	30 September 2024 - 8 November 2024	121
	Sesi Kedua 2024/2025	18 November 2024 - 14 Disember 2024	1
JUMLAH			1,774

DEMOGRAFI

Seramai 1,774 (99%) orang pelajar telah menjawab soal selidik yang disediakan berbanding 1,782 pelajar baharu yang mendaftar secara dalam talian (*online*) pada empat (4) kemasukan yang terlibat iaitu Trimester Pertama 2024/2025, Semester Pertama 2024/2025, Trimester Kedua 2024/2025 dan Sesi Kedua 2024/2025. Data responden dipecahkan mengikut jantina dan 27 fakulti/institut/sekolah. Demografi responden adalah seperti rajah di bawah:

Rajah 1: Taburan Mengikut Jantina



LAPORAN SOAL SELIDIK ISMS BAGI PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PASCASISWAZAH SEMASA MINGGU PENDAFTARAN BAGI SETENGAH TAHUN KEDUA 2024

Jadual 1: Taburan Mengikut Fakulti


Bil	Fakulti	Singkatan	Jumlah
1.	Fakulti Pengajian Pendidikan	FPP	349
2.	Fakulti Kejuruteraan	FK	224
3.	Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi	FBMK	101
4.	Fakulti Sains Komputer Dan Teknologi Maklumat	FSKTM	133
5.	Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan	FPSK	150
6.	Fakulti Sains	FS	72
7.	Fakulti Pertanian	FP	56
8.	Sekolah Perniagaan Dan Ekonomi	SPE	238
9.	Fakulti Perhutanan Dan Alam Sekitar	FHAS	62
10.	Fakulti Reka Bentuk Dan Senibina	FRSB	136
11.	Fakulti Ekologi Manusia	FEM	50
12.	Fakulti Sains Dan Teknologi Makanan	FSTM	63
13.	Fakulti Sains Komputer Dan Teknologi Maklumat	FBSB	46

14.	Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan Dan Sains	FKPS	27
15.	Institut Bioscience	IBS	6
16.	Fakulti Perubatan Veterinar	FPV	20
17.	Fakulti Sains Pertanian Dan Perhutanan	FSPH	1
18.	Institut Pertanian Tropika Dan Keselamatan Makanan	ITAFOS	11
19.	Institut Antarabangsa Akuakultur Dan Sains Akuatik	IAQUAS	0
20.	Institut Penyelidikan Matematik	INSPEM	7
21.	Institut Pengajian Perladangan	IKP	1
22.	Institut Pengajian Sains Sosial	IPSAS	2
23.	Institut Perhutanan Tropika Dan Hasil Hutan	INTROP	3
24.	Institut Penyelidikan Produk Halal	IPPH	5
25.	Institut Penyelidikan Malaysia Mengenai Penuaan	IPPM	2
26.	Institut Nanosains Dan Nanoteknologi	ION2	7
27.	Institut Sains Ekosistem Borneo	IEB	2
JUMLAH			1,774

LAPORAN SOAL SELIDIK ISMS BAGI PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PASCASISWAZAH SEMASA MINGGU PENDAFTARAN BAGI SETENGAH TAHUN KEDUA 2024




1 : Saya dapati maklumat dalam surat tawaran universiti khususnya nama, no. kad pengenalan dan alamat surat-menyurat adalah tepat



Rajah 1: Soalan 1 (min 4.6)

2 : Saya yakin maklumat peribadi saya akan digunakan untuk tujuan pendaftaran dan urusan berkaitan di Universiti Putra Malaysia sahaja.




Rajah 2: Soalan 2 (min 4.6)

LAPORAN SOAL SELIDIK ISMS BAGI PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PASCASISWAZAH SEMASA MINGGU PENDAFTARAN BAGI SETENGAH TAHUN KEDUA 2024




3 : Saya yakin Universiti Putra Malaysia melindungi semua data peribadi saya dan tidak mendedahkan kepada pihak lain yang tidak berkaitan.



Rajah 3: Soalan 3 (min 4.6)

4 : Saya yakin bahawa maklumat peribadi yang telah saya muat naik dalam PutraENROLL iGIMS dilindungi dengan baik




Rajah 4: Soalan 4 (min 4.6)

LAPORAN SOAL SELIDIK ISMS BAGI PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PASCASISWAZAH SEMASA MINGGU PENDAFTARAN BAGI SETENGAH TAHUN KEDUA 2024




5 : Saya mendapati bahawa Sistem PutraENROLL boleh diakses sepanjang tempoh pendaftaran



Rajah 5: Soalan 5 (min 4.5)

6 : Saya dapati Sistem PutraENROLL telah memudahkan proses pendaftaran untuk mendaftar di Universiti Putra Malaysia



Rajah 6: Soalan 6 (min 4.4)

LAPORAN SOAL SELIDIK ISMS BAGI PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PASCASISWAZAH SEMASA MINGGU PENDAFTARAN BAGI SETENGAH TAHUN KEDUA 2024

RUMUSAN HASIL KAJIAN

7.1 Secara keseluruhan, hasil soal selidik pendaftaran pelajar baharu pascasiswazah semasa minggu pendaftaran pada empat (4) kemasukan iaitu Trimester Pertama 2024/2025, Semester Pertama 2024/2025, Trimester Kedua 2024/2025 dan Sesi Kedua 2024/2025 dapat dirumuskan seperti berikut:

- (i) Peratusan pelajar yang menjawab soal selidik ISMS tahun ini adalah sebanyak **99%**;
- (ii) Jumlah responden tertinggi yang memberikan skala 5 (sangat setuju) adalah pada soalan nombor 1 iaitu **'Saya dapati maklumat dalam surat tawaran universiti khususnya nama, no. kad pengenalan dan alamat surat-menyurat adalah tepat.'** (1,388 responden /78%). Manakala yang terendah yang memberikan skala 5 adalah pada soalan nombor 6 iaitu **'Saya dapati Sistem PutraENROLL telah memudahkan proses pendaftaran untuk mendaftar di Universiti Putra Malaysia.'** (1161 responden/65%);
- (iii) Jumlah responden tertinggi yang memberikan skala 1 (sangat tidak setuju) adalah kepada soalan nombor 6 iaitu **'Saya dapati Sistem PutraENROLL telah memudahkan proses pendaftaran untuk mendaftar di Universiti Putra Malaysia.'** (54 responden/3%);

- (iv) Analisis skala likert jawapan yang diberikan oleh semua responden adalah mencapai **min yang tinggi (4.6)** berdasarkan soalan 1 sehingga 6. Dari segi peratusan pula, analisis kepuasan pemegang taruh menunjukkan **88%** menjawab pada skala 4 dan skala 5. Ia membuktikan pelajar baharu UPM pada empat (4) kemasukan iaitu Trimester Pertama 2024/2025, Semester Pertama 2024/2025, Trimester Kedua 2024/2025 dan Sesi Kedua 2024/2025 berpuas hati dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dalam proses pendaftaran pelajar baharu di Universiti Putra Malaysia.

LAPORAN SOAL SELIDIK ISMS BAGI PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PASCASISWAZAH SEMASA MINGGU PENDAFTARAN BAGI SETENGAH TAHUN KEDUA 2024



BERILMU BERBAKTI

PERTANIAN UNTUK RAKYAT

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Berdasarkan kepada maklumbalas responden bagi soalan kaji selidik ISMS, majoriti pelajar baharu berpuas hati dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dalam proses pendaftaran pelajar baharu di Universiti Putra Malaysia. Walaubagaimanapun, terdapat juga beberapa cadangan yang boleh diambil kira oleh Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Pascasiswazah untuk tindakan penambahbaikan pada masa akan datang.

Antara cadangan penambahbaikan yang diperolehi daripada responden (Pelajar Baharu) :

1. Menyediakan panduan langkah demi langkah yang lebih jelas tentang cara mengaktifkan akaun, termasuk penggunaan nombor matrik sebagai nama pengguna untuk log masuk ke portal pelajar.
2. Meningkatkan *interface* sistem supaya lebih mudah digunakan, terutama di peranti mudah alih (telefon bimbit), agar calon boleh mengaksesnya dengan lancar di mana-mana.
3. Mengemaskini semua maklumat dalam sistem PutraENROLL supaya tidak bercanggah, contohnya memastikan format dokumen yang diterima (pdf, jpg etc.) adalah seperti yang dinyatakan.
4. Memperbaiki isu seperti pautan yang tidak boleh diakses, ralat sistem, dan ciri yang tidak berfungsi agar calon tidak menghadapi masalah semasa pendaftaran.

LAPORAN SOAL SELIDIK ISMS BAGI PROSES PENILAIAN PENGAJARAN PRASISWAZAH DI FAKULTI TAHUN 2024

LAPORAN SOAL SELIDIK KESELAMATAN MAKLUMAT PENILAIAN PENGAJARAN PRASISWAZAH SEMESTER KEDUA SESI 2023/2024

oleh
PASUKAN ISMS PENILAIAN PENGAJARAN PRASISWAZAH DI FAKULTI
PUSAT PEMBANGUNAN DAN KECEMERLANGAN KEPEMIMPINAN AKADEMIK
(CADe-LEAD), UPM

1.0 TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (JKK ISMS) MS ISO 27001:2013 berkenaan laporan soal selidik keselamatan maklumat penilaian pengajaran Semester Kedua Sesi 2023/2024.

2.0 LATAR BELAKANG

Soal selidik keselamatan maklumat bagi Penilaian Pengajaran Semester Kedua Sesi 2023/2024 telah dilaksanakan secara dalam talian melalui aplikasi Google Form dari 15 hingga 31 Julai 2024. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas pelajar, sebagai pihak berkepentingan, mengenai tahap keyakinan mereka terhadap keselamatan maklumat Penilaian Pengajaran UPM.

Terdapat tiga (3) item yang dinilai mengikut aspek kerahsiaan, integriti, dan kebolehsediaan dengan menggunakan skala likert lima mata (1-Sangat Tidak Setuju, 5-Sangat Setuju).

- Saya yakin bahawa maklumat peribadi saya dirahsiakan
- Saya yakin terhadap integriti maklumat dalam Sistem Penilaian Pengajaran
- Saya berpuas hati dengan ketersediaan Sistem Penilaian Pengajaran

Pencapaian yang diperolehi dikategorikan kepada empat tahap iaitu Tidak Memuaskan (min <3.50), Sederhana (Min 3.50-3.99), Baik (4.00-4.49) dan Cemerlang (Min \geq 4.50).


3.0 LAPORAN SOAL SELIDIK KESELAMATAN MAKLUMAT PENILAIAN PENGAJARAN SEMESTER KEDUA SESI 2023/2024, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Jumlah responden ialah seramai 750 orang merangkumi 66 orang pelajar diploma dan 684 pelajar bachelor.

Secara keseluruhan, 86.67% (n=650) pelajar memberikan penilaian antara skor baik dan cemerlang (min 4.00 – 5.00) terhadap tahap keselamatan maklumat penilaian pengajaran UPM. Manakala 13.33% (n=100) memberikan penilaian <4.00 seperti di **Jadual 1** dan **Rajah 1**.

Jadual 1: Pencapaian Tahap Keyakinan Pelajar terhadap Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran UPM

Julat Skor Min)	Tahap Pencapaian	Bilangan Responden	Peratus	Peratus Pencapaian
<3.50	Tidak memuaskan	69	9.20	13.33
3.50 - 3.99	Sederhana	31	4.13	
4.00 - 4.49	Baik	354	47.20	86.67
4.50 - 5.00	Cemerlang	296	39.47	
Jumlah		750	100.00	100.00



Rajah 1: Pencapaian keseluruhan tahap keselamatan maklumat penilaian pengajaran

Pencapaian mengikut item adalah pada tahap baik (julat min 4.23 - 4.34) dengan skor min keseluruhan item ialah 4.28 seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2: Pencapaian mengikut item

Item	Skor (Min)
1. Saya yakin bahawa maklumat peribadi saya dirahsiakan	4.28
2. Saya yakin terhadap integriti maklumat dalam Sistem Penilaian Pengajaran	4.23
3. Saya berpuas hati dengan ketersediaan Sistem Penilaian Pengajaran	4.34
Keseluruhan	4.28

Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti diminta mengambil makluman dan perhatian berhubung laporan soal selidik / maklum balas pihak berkepentingan bagi Sistem Keselamatan Maklumat ISO/IEC 27001:2013 penggal kedua **2024**.



Pertanian • Inovasi • Kehidupan
Berilmu Berbakti

Terima Kasih